

**PROPHETIC INSTRUCTIONS IN AGRICULTURE**

**PETUNJUK NABAWI DALAM BIDANG PERTANIAN**

Mohd Asmadi Yakobi<sup>i</sup> & Muhammad Adam Abd. Azid<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. asmadi716@uitm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan. adamsaifulislam@gmail.com

<b>Abstract</b>	<p><i>Agriculture is one of the important sectors in the development of a country. Thus, Islam strongly encourages its people to develop agriculture so that it can be used as a source of food and income. Moreover, farming also has the potential to be a reward farm for farmers. Therefore, the study aims to highlight the recommendations and encouragement of the Prophet SAW in the aspect of agriculture. This study applies a qualitative method through a literature review. The results of the study found that the prophetic indicators related to agriculture can be categorized into three main aspects, namely the encouragement of farming; agricultural benefits and the maintenance and conservation of agricultural products.</i></p> <p>Keywords: <i>Prophetic, Instructions, Agriculture, Hadith, Benefit.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Pertanian merupakan antara sektor penting dalam pembangunan sesebuah negara. Justeru, Islam amat menggalakkan umatnya untuk memajukan bidang pertanian supaya boleh dijadikan sumber makanan dan pendapatan. Lebih-lebih lagi, bertani juga turut berpotensi menjadi ladang pahala kepada para petani. Oleh yang demikian, kajian bertujuan untuk mengetengahkan saranan dan dorongan Nabi SAW dalam aspek pertanian. Kajian ini mengaplikasikan metode kualitatif melalui kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati, petunjuk nabawi berkaitan pertanian boleh dikategorikan kepada tiga aspek utama iaitu galakan bertani; manfaat pertanian dan pemeliharaan dan pemuliharaan hasil pertanian.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Petunjuk, Nabawi, Pertanian, Hadith, Manfaat.</i></p>

**PENDAHULUAN**

Terdapat 551 ayat bersamaan 8.8% daripada keseluruhan ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan bidang pertanian. Secara tidak langsung Allah SWT memerintahkan manusia agar memakmurkan atau memajukan bumi ini, antara lain ialah dengan kegiatan pertanian. Selain itu, Nabi Muhammad SAW juga memberi garis panduan kepada kepada para sahabat agar memberi perhatian kepada bidang pertanian Justeru itu jika diperhatikan terdapat banyak ayat al-Qur'an dan hadith Rasulullah SAW yang menyebutkan tentang galakan dan manfaat bertani serta panduan umum mengenainya. Ini secara tidak langsung menunjukkan kepentingan bidang pertanian pada perspektif Islam sebagai salah satu sumber rezeki dan sara hidup dalam kehidupan. Bagi umat Islam, bidang pertanian adalah antara cara mudah bagi mendapat pahala dan ganjaran daripada Allah SWT selain

menerima manfaat atau pendapatan halal daripada hasil jualan keluaran pertanian (Mohd Borhanuddin & Juairiah, 2019).

## DAPATAN

### 1. Galakan Bertani Menurut Hadith

#### Mengusahakan Tanah yang Dimiliki

Tanah yang diusahakan dapat menghasilkan manfaat berupa sumber makanan atau pendapatan kepada pengusahanya. Amat rugi jika seseorang yang memiliki tanah tetapi tidak mengusahakannya. Menyedari hakikat tersebut, Rasulullah SAW menggalakkan umatnya yang memiliki tanah supaya mengusahakan tanah mereka. Sabda Rasulullah SAW:

{ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ كَانَتْ لَهُ أَرْضٌ فَلْيَزْرَعْهَا، أَوْ لِيَمْنَحْهَا أَحَاهُ، فَإِنْ أَبِي فَلْيُمْسِكْ أَرْضَهُ }

Maksudnya: Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang mempunyai tanah, hendaklah dia mengusahakannya atau memberikan kepada saudaranya (untuk diusahakan), jika saudaranya tidak mahu mengusahakannya, maka hendaklah dia menguruskan tanahnya. (Hadith. al-Bukhārī. Kitab al-Muzāra'ah, Bāb Mā Kāna Min Aṣḥāb al-Nabiyy Ṣalla-Llāh 'Alayhi Wa Sallam Yuwāsī Ba'dūhum Ba'dā Fī al-Zirā'ah wa al-Thamarah. 2340).

Hadith di atas menunjukkan saranan Rasulullah SAW kepada umatnya supaya mengusahakan tanah yang dimiliki dan tidak membiarkannya begitu sahaja. Jika mereka tidak mampu atau tiada kesempatan untuk mengusahakannya, maka digalakkan untuk menawarkan kepada orang lain yang hendak mengusahakannya. Hal ini bagi memastikan tanah tersebut dimanfaatkan dan menghasilkan sumber makanan dan pendapatan kepada pemiliknya serta orang lain.

Di dalam perbahasan fiqh, kerjasama antara pemilik tanah dan pihak lain yang mengusahakannya disebut sebagai *muzāra'ah* dan juga *musāqah*:

- i. *Muzāra'ah*: Kontrak yang ditanda tangani antara pemilik tanah dengan pihak yang lain yang akan menjalankan kerja penanaman dan penjagaan tanaman. Hasil yang diperolehi akan dikongsi antara mereka berdua bergantung kepada persetujuan bersama. Sementara benih pula akan dibekalkan oleh pemilik.
- ii. *Musāqah*: Kontrak antara pemilik tanaman dengan pihak lain yang akan melakukan kerja-kerja penjagaan tanaman. Pengusaha akan mengambil kadar tertentu daripada hasil yang diperolehi (Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

#### Mengusahakan Tanah Terbiar

Bagi mewujudkan ekosistem seimbang, Nabi SAW menggalakkan umatnya mengusahakan tanah terbiar bagi mewujudkan kesuburan alam dan menyumbang kepada perkembangan keseimbangan kehidupan lain. Rasulullah SAW bersabda:

{ أَعْمَرَ أَرْضًا لَيْسَتْ لِأَحَدٍ فَهُوَ أَحَقُّ }

Maksudnya: Sesiapa yang mengusahakan tanah yang mati, maka tanah itu menjadi miliknya dan tiada bagi peluh (usaha) orang yang zalim itu hak pemilikan" (Hadith. al-Bukhārī. Kitab al-Muzāra'ah, Bāb Man Ahyā Arḍā Mawātā. 2335).

Berdasarkan hadith tersebut, ulama berbeza pendapat dalam aspek menghidupkan tanah. Menurut Imam Malik, sesiapa yang mengerjakan tanah yang terbiar dan mati maka hendaklah meminta izin kerajaan atau ketua. Adapun menurut Imam al-Shafii beliau menyatakan sekiranya seseorang itu mengerjakan tanah yang mati maka menjadi miliknya tanpa perlu keizinan daripada pemerintah (Ibn Baṭṭal, t.t). Manakala menurut Ibn Hajar, seseorang mendapat hak milik terhadap tanah yang diusahakannya (Ibn Hajar, 2001).

Hadith ini menunjukkan Islam amat mengambil berat berhubung dengan pertanian dan bercucuk tanam serta mengusahakan tanah mati dan terbiar. Islam juga menggalakkan agar umatnya mengusahakan tanah yang belum dimajukan. Namun pada hari ini, telah sedia maklum bahawa terdapat undang-undang tanah maka seseorang tidak sewenangnyanya mendapat hak pemilikan dengan mengerjakan tanah yang terbiar kerana perlu mengikut prosedur dan mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa. Islam menggalakkan umatnya untuk bertani tanpa mengajar manusia untuk mengira dan menghitung pendapatan dan hasil tanaman, akan tetapi menjalankan peranan sebagai individu yang melestarikan keseimbangan alam dan mewujudkan kesuburan alam kerana manusia adalah khalifah di muka bumi ini dan makhluk lain adalah di bawah pengelolaan manusia yang berakal. Justeru, aspek pemuliharaan menurut perspektif sunnah amat jelas pada hadith tersebut dengan lafaz 'amara iaitu mengusahakan atau memulihara dalam konteks bahasa.

### **Antara Pekerjaan Yang Paling Afdal**

Bertani disebutkan sebagai salah satu amalan yang paling afdal. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW:

{ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنْ قَامَتْ عَلَى أَحَدِكُمُ الْقِيَامَةُ، وَفِي يَدِهِ فَسِيلَةٌ فَلْيَعْرِسْهَا }

Maksudnya: Rasulullah SAW bersabda: Jika berlaku kiamat, dan pada tangan seseorang kamu biji benih, maka tanamlah ia (Hadith. Aḥmad. Bāb Musnad Anas bin Mālik Raḍīya-Llāhu Ta'ālā 'Anhu. 12902).

Hadith di atas menunjukkan betapa pentingnya bertani sehinggakan walaupun hampir berlaku kiamat, Rasulullah SAW memerintahkan sesiapa yang mempunyai benih di tangannya supaya menanam benih tersebut.

Al-Ṣan'ānī dalam mensyarahkan hadith ini menyatakan bahawa hadith ini menggalakkan supaya bercucuk tanam serta menunjukkan manfaat daripada bidang pertanian (al-Ṣan'ānī, 2011). Menurut al-'Aynī pula, hadith ini menunjukkan keutamaan mencari rezeki dengan tangan (usaha) sendiri. Hadith ini berkait rapat dengan hadith yang lain di mana Rasulullah SAW menjelaskan bahawa rezeki yang lebih afdal adalah rezeki yang diperolehi daripada hasil usaha dan titik peluh seseorang itu sendiri (al-'Aynī, t.t). Diriwayatkan daripada Khālid Ibn Abū Burdah RA, Rasulullah SAW ditanya tentang pekerjaan yang terbaik. Sabda Rasulullah SAW:

{ عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ، وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٍ }

Maksudnya: Pekerjaan seseorang dengan tangannya (usaha dan titik peluh) sendiri dan setiap jual beli yang mabrur (Hadith. Aḥmad. Bāb Ḥadith Rāfi' bin Khadij. 17265).

Ulama berbeza pendapat berkaitan pekerjaan dengan tangan sendiri. Sebahagian ulama berpendapat pekerjaan yang terbaik adalah bertani. Manakala, sebahagian yang lain pula mengatakan pembinaan dan sebahagian yang lain menyatakan berniaga. Antara ulama yang menyebutkan pandangan adalah al-Imām al-Nawawi (al-'Aynī, t.t).

## **2. Manfaat Pertanian**

### **Memperolehi Ganjaran Pahala**

Selain manfaat aspek keduniaan, bertani juga dapat memberikan manfaat kepada seseorang Muslim di akhirat kelak. Manfaat tersebut berupa ganjaran pahala terhadap usaha yang dilakukannya. Rasulullah SAW

{ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ أَحْيَا أَرْضًا مَيْتَةً، فَلَهُ فِيهَا أَجْرٌ، وَمَا أَكَلَتِ الْعَافِيَةُ مِنْهَا، فَهُوَ لَهُ

صَدَقَةٌ }

Maksudnya: *Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang menghidupkan tanah yang mati, baginya pahala. Dan segala apa yang dimakan oleh makhluk daripada tanamannya, maka ia merupakan sedekah baginya* (Hadith. Aḥmad. *Bāb Musnad Jābir bin ‘Abdillāh Raḍīya-Llāhu ‘Anhu*. 14500).

Berdasarkan hadith di atas, Rasulullah SAW menyebutkan orang yang bertani mendapat dua pahala iaitu:

- i) Pahala mengusahakan tanah
- ii) Pahala daripada manfaat yang diperolehi oleh makhluk lain daripada hasil pertaniannya.

### Setiap Manfaat Daripada Tanamannya Dikira Sedekah oleh Allah SWT

{ مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا، أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا، فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَيْهِيمَةٌ، إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ }

Maksudnya: *“Sesiapa dari kalangan orang Islam yang menanam tanaman atau menumbuhkan satu tumbuhan lalu tanaman itu dimakan oleh burung atau binatang maka dapat juga baginya pahala sedekah* (Hadith. al-Bukhārī. *Kitab al-Muzāra‘ah, Bāb Faḍl al-Zar‘i wa al-Ghars Idhā Akila Minhu*. 2320).

Dalam hadith yang lain, Rasulullah SAW bersabda:

{ مَنْ نَصَبَ شَجْرَةً فَصَبَرَ عَلَى حِفْظِهَا وَالْقِيَامِ عَلَيْهَا حَتَّى تُثْمَرَ كَانَ لَهُ فِي كُلِّ شَيْءٍ يُصَابُ مِنْ ثَمَرِهَا صَدَقَةٌ عِنْدَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ }

Maksudnya: *Telah menceritakan kepadaku ‘Abd Allah Ibn Wahab, daripada ayahnya katanyam telah menceritakan kepadaku Fannaj, Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang menanam sebuah pokok, kemudian dia bersabar menjaga pokok tersebut sehingga berbuah. Maka setiap manfaat yang diperolehi daripada buahnya adalah dikira sedekah di sisi Allah SWT* (Hadith. Aḥmad. *Bāb Ḥadith Man Shahida al-Nabiyy Ṣalla-Llāh ‘Alayhi wa Sallam*. 16586).

Berdasarkan hadith tersebut, Imam al-Nawāwī menjelaskan bahawa mahupun tanaman itu dicuri maka ia adalah sedekah dan mendapat pahala bersedekah demikian juga sekiranya dimakan oleh binatang seperti burung dan manusia manakala dalam riwayat lain riwayat Imam Muslim yang bermaksud *“melainkan dia akan menerima pahala sedekah hingga hari kiamat”* iaitu seseorang petani akan mendapat pahala sedekah sehingga hari kiamat. Beliau menjelaskan bahawa, berdasarkan hadith tersebut Rasulullah SAW menjelaskan kelebihan bercucuk tanam, menanam kerana ganjaran pahala adalah berpanjangan sehingga mana tumbuhnya tanaman-tanaman tersebut hingga hari akhirat dan ia adalah sah dan benar. Tambah beliau, ulama menjelaskan bahawa hadith tersebut juga menyatakan kelebihan seseorang itu mendapat hasil dan keuntungan / rezeki daripada pekerjaan sendiri seperti perniagaan, perdagangan dan pertanian. Menurut beliau lagi, Rasulullah menjelaskan bahawa segala pahala dan ganjaran dalam hadith tersebut secara khusus kepada orang-orang Islam yang menghalalkan dan meredakan apabila hartanya di curi sama ada oleh manusia atau haiwan dan sebagainya (al-Nawāwī, 1929).

Ibn Ḥajar menjelaskan hadith tersebut dengan ayat 63 surah al-Waqi‘ah yang bermaksud *“Maka (mengapa kamu masih berdegil?) Tidakkah kamu melihat apa yang kamu tanam?”*. Beliau menjelaskan bahawa ayat tersebut menjelaskan keharusan bercucuk tanam manakala perkaitan dengan hadith pula menyatakan kelebihan bercucuk tanam dan bertani. Dengan demikian pada bab tersebut Imam al-Bukhari meletakkan ayat tersebut pada awalnya hadith untuk menjelaskan galakan untuk bercucuk tanam dalam Islam. Beliau menambah, maksud sedekah pada teks hadith tersebut adalah ganjaran pahala pada hari akhirat yang khusus bagi orang-orang Muslim yang mana hasil tanamannya dimakan oleh manusia, haiwan dan sebagainya dan sebaliknya tanaman orang-orang kafir yang tidak

dijanjikan ganjaran dalam situasi yang sama dan hanya mendapat balasan di dunia dalam bentuk pendapatan (Ibn Hajar, 2001). Jelas menunjukkan hakikat Islam yang amat menggalakkan sektor pertanian kepada umat sejagat.

Ibn Baṭṭāl dalam kitabnya menjelaskan bahawa inti pati hadith tersebut adalah perbuatan sedekah dalam aspek tanaman kepada segala jenis haiwan dan diserang oleh penyakit sekalipun mendapat pahala dan ganjaran daripada Allah SWT. Menurut beliau, fiqh hadith tersebut adalah bagi seseorang yang menanam sama ada pada tanah miliknya atau orang lain ia adalah sewaan daripada Allah SWT untuk seketika dan pengajaran adalah setiap tanaman adalah sedekah kepada petani dan ganjaran adalah khusus sebagai mengimarahkan bumi atau tanah untuk menjamin kehidupan dan secara khusus hadith tersebut menjelaskan tentang galakan perekonomian kerana Allah SWT mengharuskan hamba-hambanya dengan kemampuan mereka untuk memanfaatkan tanah dan mengimarahkan untuk mendapat habuan dunia dan kekayaan. Demikian juga bukan hanya mendapat hasil dan dapatan akan tetapi dijanjikan dengan ganjaran dan pahala bagi tanaman yang dimakan oleh manusia dan binatang (Ibn Baṭṭāl, t.t).

Kesimpulannya, inti pati hadith tersebut adalah jelas menurut perspektif sunnah yang amat menggalakkan umat Islam menjadikan amalan berkebun dan bercucuk tanam sebagai pekerjaan yang mulia serta mendapat pahala bersedekah. Selain itu Islam juga menggalakkan bekerja sendiri dan tidak bersifat malas dalam kehidupan seperti bertani dan melakukan aktiviti ekonomi untuk memajukan kehidupan ke arah lebih stabil dan melahirkan umat yang *kamil*. Dirumuskan melakukan pertanian adalah pekerjaan yang mendapat pahala manakala setiap tanaman yang dimakan manusia dan haiwan mahupun tanaman yang rosak kerana serangga adalah sedekah bahkan mendapat ganjaran yang ditetapkan oleh Allah SWT. Ganjaran tersebut adalah berdasarkan pernyataan Rasulullah SAW yang mengulang ganjaran sedekah dengan jelas pada teks hadith tersebut. Justeru, sunnah Nabawi amat mendorong dan menggalakkan amalan bertani namun amalan tersebut mulia di sisi Islam apabila disertakan dengan sikap ihsan terhadap alam persekitaran yang hidup dalam kitaran kehidupan manusia seperti haiwan, tumbuhan dan serangga dalam tanaman yang saling memerlukan.

### Ganjaran Pahala Berterusan

Bertani juga termasuk dalam amal jariah iaitu amalan yang sentiasa mengalir pahala kepada pengamalannya walaupun setelah kematiannya. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW:

{ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: سَبْعُ يَجْرِي لِلْعَبْدِ أَجْرُهُنَّ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ، وَهُوَ فِي قَبْرِهِ: مَنْ عَلَّمَ عِلْمًا، أَوْ كَرَى نَهْرًا، أَوْ حَفَرَ بَيْعًا، أَوْ عَرَسَ نَخْلًا، أَوْ بَنَى مَسْجِدًا، أَوْ وَرَثَ مُصْحَفًا، أَوْ تَرَكَ وَلَدًا يَسْتَعْفِرُ لَهُ بَعْدَ مَوْتِهِ }

Maksudnya: Rasulullah SAW bersabda: Tujuh amalan yang pahalanya akan sentiasa mengalir kepada seseorang hamba selepas matinya ketika berada di dalam kubur. Iaitu orang yang mengajarkan ilmu, mengalirkan air, menggali telaga, menanam pokok kurma, membina masjid, mewariskan mushaf atau meninggalkan anak yang memohon ampun kepadanya selepas kematiannya. (Hadith. al-Bazzār, *Bāb Musnad Abī Ḥamzah Anas bin Mālik*. 7289).

Berdasarkan hadith di atas, Rasulullah SAW menyebutkan tujuh kategori amalan yang sentiasa mengalir pahala walaupun setelah kematian pemiliknya. Salah satu amalan yang disebutkan adalah amalan yang berkaitan dengan pertanian iaitu seseorang yang menanam pokok kurma dan mewakafkannya. Namun, ianya tidak khusus kepada amalan menanam pokok kurma sahaja, malah termasuk juga amalan-amalan pertanian lain yang diwakafkan kepada orang ramai untuk manfaat mereka (al-Ṣan‘ānī, 2011).

### 3. Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Hasil Pertanian

#### Larangan Memusnahkan Tanaman Tanpa Mengira Situasi

Selain itu, teks hadith Nabawi juga menjelaskan etika manusia terhadap tanaman ketika dalam peperangan iaitu larangan memusnahkan pokok dan tanaman dan juga elemen-elemen alam sekitar yang lain seperti haiwan dan kehidupan manusia (tempat awam). Rasulullah SAW bersabda:

{عَنْ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ... وَإِنِّي مُوصِيكَ بِعَشْرٍ: لَا تَقْتُلَنَّ امْرَأَةً، وَلَا صَبِيًّا، وَلَا كَبِيرًا هَرِمًا، وَلَا تَقْطَعَنَّ شَجَرًا مُشِيمًا، وَلَا تُحْرِبَنَّ عَامِرًا، وَلَا تَعْقِرَنَّ شَاةً، وَلَا بَعِيرًا، إِلَّا لِمَا كَلَلَهُ. وَلَا تُحْرِقَنَّ نَخْلًا، وَلَا تُغْرِقَنَّهٗ، وَلَا تَعْلُلْ وَلَا تَجْبُنْ }

Maksudnya: "Daripada Yahya bin Sa'id..., sesungguhnya aku mewasiatkan kepada kamu dengan sepuluh perkara, jangan membunuh wanita atau kanak-kanak serta orang tua, jangan menebang pokok yang berbuah, jangan memusnahkan rumah kediaman jangan bunuh kambing atau unta kecuai untuk dimakan, jangan bakar pokok tamar atau binasakannya, jangan melampaui batas dan jangan jadi pengecut". (Hadith. Mālik. Kitab *al-Jihād, Bāb al-Nahy 'An Qatl al-Nisā' wa al-Wildān Fi al-Ghazw.* 10).

Inti pati hadith tersebut yang melarang sepuluh perkara dalam peperangan yang mencakupi kehidupan alam sekitar. Larangan tersebut adalah etika dan disiplin yang perlu diikuti oleh para sahabat dalam peperangan bagi menjaga kedudukan agama Islam yang tidak melakukan kekerasan dan kezaliman yang tidak berasas. Mahupun dalam situasi peperangan, Rasulullah SAW tetap melarang perbuatan merosakkan alam persekitaran lebih lagi di luar situasi yang biasa dan aman. Islam sebagai agama yang murni tidak mementingkan kemenangan semata akan tetapi tetap menjaga hak-hak sekeliling yang perlu dijaga dan dilindungi. Wanita, kanak-kanak, orang tua, pokok dan tumbuhan, rumah kediaman adalah komponen-komponen alam sekitar yang saling memerlukan antara satu sama lain dalam kelangsungan hidup.

#### Ancaman Memusnahkan Tanaman Tanpa Alasan Munasabah

Islam amat menjaga tanaman daripada kerosakan yang sia-sia dan menjaganya dalam pelbagai aspek dan kondisi dan walaupun bukan dalam keadaan yang terdesak. Al-Sunnah telah menjelaskan etika dan sikap yang perlu dipatuhi manusia dalam berinteraksi dengan alam sekitar dalam konteks pemuliharaannya dan mengekalkan ekosistem yang seimbang dan harmoni. Rasulullah SAW bersabda:

{قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ قَطَعَ سِدْرَةَ صَوَّبَ اللَّهُ رَأْسَهُ فِي النَّارِ سئلَ أَبُو دَاوُدَ عَنْ مَعْنَى هَذَا الْحَدِيثِ فَقَالَ: هَذَا الْحَدِيثُ مُخْتَصَرٌ، يَعْنِي مَنْ قَطَعَ سِدْرَةَ فِي فَلَاةٍ يَسْتَظِلُّ بِهَا ابْنُ السَّبِيلِ، وَالْبَهَائِمُ عَبَثًا، وَظُلْمًا بَعِيرٍ حَقٌّ يَكُونُ لَهُ فِيهَا صَوَّبَ اللَّهُ رَأْسَهُ فِي النَّارِ }

Maksudnya: Rasulullah SAW bersabda: barangsiapa menebang pohon bidara maka Allah akan membenamkan kepalanya dalam api neraka. "Abu Dawud pernah ditanya tentang hadith tersebut, lalu ia menjawab, "secara ringkas, makna hadith ini adalah bahawa barang siapa menebang pohon bidara di padang dengan sia-sia dan zalim, padahal itu adalah tempat untuk berteduh para musafir dan haiwan-haiwan ternak, maka Allah membenamkan kepalanya di neraka (Hadith. Abū Dāwud. Kitab *al-Adab. Bāb Fi Qaṭ'i al-Sidr.* 5239).

Dalam riwayat lain:

{حَسَّانُ بْنُ إِبرَاهِيمَ قَالَ سَأَلْتُ هِشَامَ بْنَ عُرْوَةَ عَنْ قَطْعِ السِّدْرِ وَهُوَ مُسْتَنَدٌ إِلَى قَصْرِ عُرْوَةَ فَقَالَ أَتَرَى هَذِهِ الْأَبْوَابَ وَالْمَصَارِيحَ إِنَّمَا هِيَ مِنْ سِدْرِ عُرْوَةَ كَانَ عُرْوَةَ يَقْطَعُهُ مِنْ أَرْضِهِ وَقَالَ لَا بَأْسَ بِهِ زَادَ حُمَيْدٌ فَقَالَ هِيَ }

يَا عِرَاقِي جِئْتَنِي بِبِدْعَةٍ قَالَ قُلْتُ إِنَّمَا الْبِدْعَةُ مِنْ قَبْلِكُمْ سَمِعْتُ مَنْ يَقُولُ بِمَكَّةَ لَعَنَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ قَطَعَ السِّدْرَ ثُمَّ سَأَقَ مَعْنَاهُ {

Maksudnya: Hassan bin Ibrahim dia berkata, “aku bertanya kepada Hisyam bin ‘Urwah tentang menebang pohon bidara, saat itu ia sedang bersandar pada kayu milik ‘Urwah, Hisyam lalu menjawab, “apa pendapat mu dengan pintu-pintu dan daun pintu ini, ia terbuat dari kayu bidara milik ‘Urwah. ‘Urwah memotongnya dari kebun miliknya.” Urwah berkata, “itu tidak apa-apa” Himayd menambahkan Hisyam bin ‘Urwah berkata (kepada Hassan bin Ibrahim, “wahai orang Iraq, itu (memotong pohon bidara yang kamu bawa kepada ku.”. Hassan berkata, “aku lalu berkata, bid’ah itu datang dari kalian (wahai Hisyam), di Makkah aku mendengar seseorang mengatakannya bahawa Rasulullah SAW melaknat orang yang memotong pohon bidara...kemudian hadith tersebut disebutkan secara makna dengan lengkap” (Hadith. Abū Dāwud. Kitab al-Adab. Bāb Fi Qaṭ’i al-Sidr. 5241).

Hadith tersebut menjelaskan larangan Rasulullah SAW kepada para sahabat memotong pohon bidara dengan ancaman api neraka. Imam al-‘Aynī menjelaskan bahawa hadith tersebut terkait dengan ‘Urwah yang memotong pohon bidara yang dijadikan tempat berteduh kepada manusia dan binatang dan selisih pendapat sama ada pohon tersebut di Makkah atau di Madinah yang dijadikan tempat berteduh bagi kehidupan (al-‘Aynī, 2001). Ancaman neraka kepada orang yang memotong pohon bidara adalah kerana hukumnya adalah haram. Hal ini kerana ulama menyatakan bahawa pohon tersebut adalah pohon bidara di Makkah yang menjadi hukum haram kepada sesiapa sahaja yang memotongnya kerana ia adalah tempat berteduh bagi sesiapa yang berhijrah dan juga kepada orang yang bermusafir dan juga haiwan dan mungkin juga kerana milik seseorang dan menjadi haram dan satu kezaliman apabila ditebang oleh sesiapa sahaja (Muhammad Shams al-Ḥaq al-‘Azīm Abadī, 1968).

### Ancaman Mengotori Kawasan Tanaman

Al-Sunnah juga mengajar umat manusia adab dan etika manusia terhadap tumbuhan dalam memeliharanya daripada sebarang kekotoran yang dilakukan oleh manusia sendiri. Kebersihan persekitaran memberikan implikasi yang baik terhadap proses pertumbuhan pokok, tanaman renek pelbagai jenis tumbuhan. Mahupun baja terdiri daripada unsur tinja haiwan namun ia bukan lagi dalam bentuk asal kerana hasil campuran pelbagai elemen lain. Dalam satu riwayat:

{ أَنَّ أَبَا سَعِيدٍ الْحَمِيرِيَّ، حَدَّثَهُ، قَالَ: اتَّقُوا الْمَلَاعِينَ الثَّلَاثَ: الْبِرَّازَ فِي الْمَوَارِدِ، وَالظَّلَّ، وَقَارِعَةَ الطَّرِيقِ }

Maksudnya: Sesungguhnya Abu Sa’id al-Himyari menceritakan kepadanya berkata, “takutlah tiga jenis manusia terlaknat, iaitu orang yang membuang najis di bawah pokok berbuah, di bawah bayang-bayang dan di tengah jalan” (Hadith. Ibn Mājah, Kitab a’-Ṭahārah wa Sunanihā, Bāb ‘An al-Khalā’a ‘Alā Qāri’ah al-Tariq. 328).

Hadith tersebut menjelaskan tiga perkara yang mencakup alam persekitaran iaitu pokok, jalanan dan bayang-bayang atau tempat berteduh. Larangan membuang najis di bawah pokok yang berbuah adalah satu larangan laknat kepada pelakunya demikian juga dua perkara yang lain. Menurut Imam al-Suyuti, hukum laknat itu adalah kerana perbuatan tersebut yang mana seseorang yang membuang hajat di bawah pokok di satu kawasan padang adalah tidak boleh, akan tetapi di tempat yang jauh tetapi bukan padang hukumnya adalah diharuskan (Ra’id, 2007). Hadith tersebut dikuatkan oleh hadith riwayat lain pada maknanya yang diriwayatkan oleh Imam Muslim sebagaimana berikut:

{ اتَّقُوا اللَّعَّانِينَ قَالُوا: وَمَا اللَّعَّانَانِ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: الَّذِي يَتَخَلَّى فِي طَرِيقِ النَّاسِ، أَوْ فِي ظِلِّهِمْ }

Maksudnya: “Takutlah kamu kepada dua perkara yang menyebabkan dilaknat”. Sahabat bertanya: “Apakah dia dua perkara tersebut?”. Sabda baginda: “Orang yang membuang air

besar di laluan orang ramai dan di tempat teduh mereka". (Hadith. Muslim. Kitab a'-Ṭahārah, Bāb al-Nahyi 'An al-Takhallī Fi al-Ṭuruqi, wa al-Ẓilāl: 328).

Perbuatan membuang najis tersebut dikuatkan lagi dengan kenyataan pada lafaz hadith tersebut yang juga melaknat sesiapa sahaja yang membuang najis pada laluan orang ramai atau tempat berteduh. Menurut Imam al-Nawawi, perbuatan tersebut bukan sahaja dilaknat menurut sunnah akan tetapi menjadi kebiasaan kepada manusia akan melaknat sesiapa yang melakukan perbuatan tidak senonoh sedemikian (al-Nawāwī, 1929). Jalan merupakan perhubungan seharian manusia untuk melakukan aktiviti kehidupan sehari-hari demikian juga dengan tempat berteduh dijadikan tempat istirahat bagi musafir dan orang ramai dalam sehari-hari, dan kerana kekotoran tersebut amat mengganggu persekitaran dan aktiviti orang lain dan ianya adalah untuk menjaga keharmonian semua pihak. Kesimpulannya, hadith tersebut dengan jelas menyatakan galakkan kepada individu Muslim menjaga keadaan sekeliling bagi mewujudkan persekitaran yang segar, nyaman dan bersih.

## KESIMPULAN

Demikian hadith-hadith yang menjelaskan galakkan dan dorongan memelihara alam sekitar dalam pelbagai aspek komponennya. Rasulullah SAW telah mengajarkan beberapa etika kepada manusia dalam mengekal dan memulihara alam untuk mewujudkan keseimbangan alam yang stabil. Sunnah yang begitu luas cakupannya telah memberikan landasan kepada individu Muslim dalam berinteraksi dengan alam sekitar. Perihal tanah, tanaman, binatang dan tempat awam merupakan empat elemen yang berada dalam lingkungan kehidupan manusia. Larangan dan suruhan yang mempunyai kesan dan hikmah kepada sekalian makhluk terutamanya manusia sebagai khalifah di muka bumi. Islam menurut perspektif sunnah telah lengkap menjelaskan tentang dorongan pemuliharaan alam sekitar yang meliputi unsur-unsur yang hidup dan bukan hidup bagi menjamin kelestarian kehidupan yang harmoni dan stabil.

## RUJUKAN

### Buku

- Abū Dāwud, Sulaymān Ibn al-'Ash'ath al-Sijistānī. 2002. *Sunan 'Abū Dāwud*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Abū Dāwud, Sulaymān Ibn al-'Ash'ath al-Sijistānī. 1999. *Musnad Abū Dāwud al-Ṭayālisī*. t.tp: Hajra.
- Aḥmad Ibn Ḥanbal. 1995. *al-Musnad*. Qāherah: Dār al-Ḥadīth.
- al-'Aynī, Badr al-Dīn Abi Muhammad Mahmud Ibn Ahmad. 2001. *Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Baghāwī, Muhammad al-Husayn Ibn Mas'ud. 1409H. *Tafsīr al-Baghāwī Ma'ālim al-Tanzīl*. Riyāḍ: Dār al-Ṭayyibah.
- al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā'īl al-Ja'fī. 1400H. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Qāherah: al-Maṭbah'ah al-Salafiyyah.
- Ibn Baṭṭāl, Alī Ibn Khalaf Ibn 'Abd al-Malik. t.t. *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Alī. 2001. *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyāḍ: t.pt.
- Ibn Mājah, Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazwinī. 2008. *Sunan Ibn Mājah*. (Ed.) Muhammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr al-Tawzī', Riyadh.
- Mikdar Rusdi. 2001. *Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut al-Quran*. Malaysia, Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Cet. 1.
- Mohd Nor Ramlan. 1999. *Ekologi Asas Dan Alam Semula Jadi Terpilih*. Kuala Lumpur: Misa Advertising.
- Muḥammad Naif Ma'rūf. 2000. *al-Mu'jām al-Mufahras li Mawaḍi' al-Qur'ān*. Bayrūt: Dār al-Nafā'is.

- Muslim Ibn Ḥajjāj Abu Ḥusayn al-Qusyairī al-Naysabūrī. 1929. *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Qāherah: al-Maṭba‘ah al-Miṣriyyah.
- Muslim Ibn Ḥajjāj Abu Ḥusayn al-Qusyairī al-Naysabūrī. 2006. *Ṣaḥīḥ Muslim*. (Ed.) Abu Qutaybah Nazar Muḥammad al-Farāyābī. Riyād: Dār al-Ṭayyibah.
- al-Nasā‘ī, Aḥmad Ibn Shu‘ayb Ibn ‘Alī. 1995. *Sunan al-Nasā‘ī*. Riyād: Dār Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- al-Nawāwī, Mahy al-Dīn. 1997. *Terjemahan Riyadh al-Solihin*. Unit Analisis Tapisan, Bhg. Peneliidikan Islam (terj). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Osman Haji Khalid. 2006. *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Cet. 1.
- Ra‘id Ibn Ṣabri Ibn Abū ‘Alfah. 2007. *Shurūḥ Sunan Ibn Mājah*. Jordan: Bay al-Afkār al-Dawliyyah.
- al-Tirmidhī, Muḥammad Ibn ‘Isā Ibn Thawrah. 1995. *Sunan al-Tirmidhī*. Riyād: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Zaini Ujang. 2000. *Pengenalan Pencemaran Udara*. Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Cet. 2.

### **Prosiding**

- Mohd Borhanuddin Zakaria & Juairiah Hasan. 2019. *Pertanian dalam Islam*. (Ed.) Syahrul Fahmy et al. Proceeding, The International Conference on Islamic Civilization and Technology Management. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu.

### **Seminar**

- Muḥammad al-Ṣādiq Muḥammad Yūsuf. 2010. *Himāyah al-Bi‘ah fī al-‘Islām*. Mu‘tamar al-‘Ām al-Khāmis al-‘Ashar Akadimiyyah Ahl Ali-Bayt al-Mulkiyyah. 27-29 September, Jordan: Mu‘assasah Ahl Ali al-Bayt al-Malikiyyah al-Fikr al-‘Islāmiy.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*